

**Company Name** : NexG Berhad  
**Date** : 17 July 2025  
**Source** : Berita Harian

## NEXG Dapat Lanjutan Kontrak Enam Bulan Bekal Cip Pasport Malaysia



NEXG mendapat lanjutan kali kelima membekalkan cip pasport Malaysia kepada Jabatan Imigresen - Foto hiasan

KUALA LUMPUR: NEXG Bhd menerima lanjutan kontrak selama enam bulan lagi daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi kontrak sedia ada untuk membekalkan cip pasport Malaysia kepada Jabatan Imigresen.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, NEXG memaklumkan bahawa unit milik penuhnya, Datasonic Technologies Sdn Bhd (DTSB), telah menerima lanjutan terbaharu itu hari ini.

Tempoh baharu kontrak akan berlangsung secara bulanan dari 1 Disember 2025 hingga 31 Mei 2026.

Ini merupakan lanjutan kali kelima sejak kontrak bernilai RM318.75 juta itu mula dianugerahkan pada Disember 2015 untuk tempoh lima tahun.

NEXG menjelaskan bahawa tiada perubahan terhadap nilai kontrak, kuantiti mahupun skop kerja, walaupun lanjutan ini tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) sebanyak lapan peratus.

DTSB dikehendaki mengemukakan bon prestasi baharu berjumlah RM3.43 juta, yang sah sehingga 31 Mei 2027.

Syarikat itu berkata, kontrak dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2026 dan seterusnya.